
ELYAS OMAR PATUT -- DICONTOHI - MAHATHIR

UM - 8 SEP 1974

Oleh
Rozaid Abdul Rahman

KUALA LUMPUR 7 Sept. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan hari ini bahawa Malaysia akan lebih dihormati dan maju jika semua orang bersikap seperti Tan Sri Elyas Omar yang sanggup melepaskan jawatannya demi menjaga nama baik kerajaan.

Sambil, mengesahkan bahawa beliau telah menerima surat perletakan jawatan itu, Dr. Mahathir menambah, Elyas bersikap *gentleman* dalam tindakannya.

"Beliau sanggup memikul tanggungjawab itu walaupun masih belum dibuktikan bersa-

lah kerana beliau beranggapan tindakannya meletakkan jawatan adalah untuk menjaga nama baik kerajaan.

"Dan beliau juga minta dilepaskan dari jawatannya itu..." kata Perdana Menteri dalam sidang akhbar selepas mempe- ngerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di sini petang ini.

Menurut Dr. Mahathir, beliau belum membuat sebarang keputusan mengenai perletakan jawatan Elyas, tetapi mengesahkan bahawa mesyuarat Kabinet esok akan menyentuh isu tersebut.

Dr. Mahathir berkata, sebagaimana yang ditegaskannya sejak awal dahulu, isu perletakan jawatan Elyas tidak akan diputuskannya seorang diri.

"Saya kena bincang terlebih dahulu dengan rakan-rakan saya dalam Kabinet dan esok kita akan mengadakan me-

LIHAT MUKA 2

ELYAS OMAR PATUT DICONTOHI — DR. M

‘syuarat itu lebih awal kerana lusa cuti umum,’ tambahnya.

Beliau juga sekali lagi mengulang kenyataannya sebelum ini bahawa tindakan Elyas melepaskan jawatannya adalah merupakan satu perkara baru dalam sejarah negara.

Kata Dr. Mahathir, biasanya, sesiapa yang dituduh akan mempertahankan dirinya dan berkeras untuk duduk kekal pada jawatannya itu.

“Bagaimanapun apa yang dilakukan oleh Elyas saya anggap sebagai satu tindakan yang gentleman dan jika kita semua *gentleman* macam itu saya yakin negara kita akan lebih dihormati dan maju.

Ditanya mengenai kedudukan jawatan Elyas yang lain, Dr. Mahathir berkata, beliau (Elyas) hanya meletakkan jawatan sebagai Datuk Bandar, tetapi jika ada memegang beberapa jawatan lain seperti dalam bidang sukan dan sebagainya itu tidak kena mengena dengan apa yang dilakukannya sekarang.

Tambah beliau, terpulanglah kepada pihak-pihak lain untuk menimbang kedudukan Elyas itu.

Selasa lalu, Elyas Omar telah membuat keputusan mengejut mengumumkan perletakan jawatannya sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur ekoran kontroversial pembelian kereta-kereta Volvo jabatan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Dalam kenyataan bertulisnya kepada akhbar, Elyas menjelaskan bahawa isu itu mungkin telah menjejaskan imej pentadbiran kerajaan serta DBKL sendiri.

Katanya, sebagai Datuk Bandar, beliau bertanggungjawab sepenuhnya ke atas segala tindakan DBKL dan atas kepentingan kerajaan serta demi menjaga nama baik kerajaan, serta memastikan agar kepercayaan orang ramai kepada DBKL tidak terjejas, beliau mengambil keputusan untuk melepaskan jawatannya mulai 17 September ini.